

KOTA BAHRU, 19 FEB. (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA, MESYUARAT PERTAMA JAWATANKUASA PENYERTAAN BUMIPUTRA DALAM BIDANG EKONOMI AKAN DIADAKAN BULAN DEPAN DIHADHIRI OLEH SEMUA MENTERI BESAR DAN KETUA MENTERI.

BELIAU YANG JUGA Pengerusi Jawatankuasa tersebut memberitahu, tujuannya ialah untuk mendapatkan gambaran penglibatan Bumiputra dalam bidang ekonomi.

Beliau tidak puashati tentang kejayaan yang dicapai oleh peniaga-peniaga Bumiputra setakat ini pada hal kerajaan telah memberi segala bantuan seperti modal dan kredit kepada mereka.

Katanya, peniaga-peniaga Bumiputra masih tidak belum mencapai kejayaan yang diharapkan jika dibandingkan dengan persaingan hebat dari kalangan bukan Bumiputra.

Beliau memberitahu satu sidang akhbar di bilik Gerakan Negeri di sini hari ini oleh yang demikian peniaga-peniaga Bumiputra perlu mendapat latihan dan bimbingan yang sempurna untuk sama-sama maju dalam bidang ekonomi.

Terdahulu dari itu, Dr. Mahathir telah diberi taklimat tentang rancangan pembangunan dan keselamatan di Kelantan yang disampaikan oleh Menteri Besar, Datuk Hj. Mohamed Bin Nasir dan pegawai-pegawai berkenaan. -- BERSAMBUNG 1950/A1

££

B535

MAHATHIR 2 KOTA BHARU 〰'〰'〰'

Katanya, masalah besar dihadapi oleh Kelantan untuk menjalankan projek-projek pembangunan ialah kekurangan kakitangan khusus dalam bidang pertanian dan kejuruteraan.

Tambahnya, ini adalah tidak selaras dengan peruntukan yang besar bagi negeri Kelantan di bawah rancangan Malaysia yang ketiga.

Dr. Mahathir berkata, kajian-kajian yang dijalankan mengenai cara-cara membangunkan kawasan ulu Kelantan masih tidak jelas.

Beliau berharap apabila siap pembinaan jalanraya baru dari Gua Musang ke Kuala Lipis menjelang 1982 rancangan pembangunan di kawasan ulu Kelantan akan dapat dijalankan dengan lebih pesat lagi.

Beliau menegaskan lebuhraya timur-barat yang sedang dalam pembinaan apabila siap nanti akan memudahkan pengangkutan ke pantai barat khususnya ke Pulau Pinang untuk mengatasi masalah tidak adanya pelabuhan di Kelantan.

Menyentuh tentang keselamatan di Kelantan, beliau berkata kerajaan telah mengambil segala langkah untuk mengawasi sebarang kegiatan yang mengancam keselamatan dan beliau yakin pihak komunis tidak akan berjaya mencero bohi negeri itu. -- BERSAMBUNG HM 1952

MAHATHIR 3 KOTA BAHRU ৯'৯'৯'

TERDAHULU DARI ITU KETIKA MERASMIKAN SEMINAR UMNO KELANTAN DIDAWAN MAKTAB SULTAN ISMAIL DI SINI, DR. MAHATHIR MENEKANKAN BAHAWA HANYA DENGAN KUASA YANG ADA PADA UMNO YANG BOLEH MENJAMIN MASA DEPAN KUASA POLITIK DI NEGARA INI.

KATANYA LAGI, MASA DEPAN ORANG-ORANG MELAYU ADALAH BERGANTUNG KEPADA KUASA POLITIK YANG WUJUD PADA UMNO.

SEKIRANYA UMNO YANG MENJADI TULANG BELAKANG PEMERINTAHAN NEGARA INI MENJADI LEMAH, PEHAK-PEHAK TERTENTU YANG MENANGUK DI AIR KEROH AKAN MENGAMBIL KESEMPATAN UNTUK TAMPIL KEDEPAN DAN NIKMAT YANG TELAH DIRASAI OLEH RAKYAT SELAMA INI SEJAK NEGARA MENCAPAI KEMERDEKAAN AKAN LUPUTKELAK.

TAMBAHNYA, KEMAJUAN YANG LEBIH BAIK DIBIDANG EKONOMI JUGA TIDAK AKAN TERCAPAI SEKIRANYA UMNO MENJADI LEMAH.

BELIAU MENYERU AHLI-AHLI UMNO TERUS MENGEKALKAN KEDUDUKAN PARTI ITU DAN JANGAN TERPENGARUH DENGAN SEGOLONGAN PEMIMPIN KECIL YANG BERGERAK DALAM PARTI SEMATA-MATA Mencari kepentingan diri sendiri dan cuba memecahbelahkan perpaduan. -- BERSAMBUNG HM 1955

৯৯

B537

MAHATHIR 4 KOTA BHARU ৯'৯'৯'

PAGI TADI KETIBAAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN ISTERINYA DR. SITI ASMAH DILAPANGAN TERBANG PENGKALAN CHEPA TELAH DISAMBUT OLEH MENTERI BESAR DATUK HAJI MOHAMAD BIN NASIR, AHLI-AHLI EXCO NEGERI, WAKIL-WAKIL RAKYAT, AHLI-AHLI UMNO DAN PENYOKONG-PENYOKONGNYA BERJUMLAH KIRA-KIRA 5,000 ORANG.

DR. MAHATHIR TELAH BERUCAP KEPADA PENYOKONG-PENYOKONG PARTI DAN AHLI-AHLI UMNO YANG LAIN DILAPANGAN TERBANG PENGKALAN CHEPA DAN MENYATAKAN RASA TERHARU DIATAS SAMBUTAN YANG BEGITU MERIAH YANG DIBERIKAN KEPADA BELIAU DAN ROMBONGANNYA.

KATANYA, INI SATU BUKTI PERSEFAHAMAN DAN PERPADUAN DI KALANGAN RAKYAT.

BELIAU JUGA BERHARAP AKAN DAPAT MENGADAKAN PERHUBUNGAN RAPAT DENGAN PENDUDUK KELANTAN DAN MENGATASI MASAALAH YANG DIHADAPI MENGIKUT KEMAMPUAN KERAJAAN. -- BERNAMA HM 1859